

**Endau:** Seramai 40 ahli Rakan Muda Universiti Teknologi Tun Hussien Onn (UTHM) Batu Pahat berbakti selama tiga hari dalam program Rakan Muda Wawasan Desa Institut Pengajian Tinggi (IPT) peringkat negeri di Mukim Teriang, dekat sini, berakhir kelmarin.

Program anjuran Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dengan kerjasama Jawatankuasa Keselamatan Kampung (JKK) Teriang itu dipenuhi pelbagai aktiviti membabitkan penduduk kampung termasuk khidmat kemasyarakatan, gotong-royong membersihkan kubur dan rumah warga emas, mengecat bangunan sekolah agama, sukarelawan sukan serta lawatan ke rumah penduduk yang menjalankan projek Industri Kecil dan Se-derhana (IKS).

Lebih menarik, peserta program menjalankan aktiviti memukat bersama belia kampung di pantai berhampiran bagi memenuhi masa



PENDUDUK kampung dan mahasiswa UTHM yang mengikuti program Rakan Muda Wawasan Desa, semalam.

## Pelajar UTHM sumbang bakti

lapang bersama keluarga angkat masing-masing.

Ketua peserta, Mohd Rahmad Talib, 22, berkata, program disertai ahli Rakan Muda UTHM itu bertujuan mengeratkan hubungan mahasiswa dengan penduduk kampung

selain membuka minda pelajar IPT supaya bersama-sama warga desa menjalankan aktiviti kemasyarakatan.

"Melalui program seperti ini, hubungan antara penuntut IPT dengan penduduk kampung dapat dijalankan,

malah pada masa sama dapat bertukar pengalaman dan ilmu pengetahuan mengikut kepakaran dan kebolehan masing-masing," katanya.

Rakan Muda UTHM, Amira Mat Jamal, 20, berkata, ia pengalaman pertamanya

menyertai program seumpama itu dan begitu menyeronokkan.

Katanya, kerjasama baik antara penduduk kampung dengan mahasiswa dapat melahirkan perasaan persaudaraan dan kasih sayang.

"Pengalaman diperoleh tidak mungkin dapat dilupakan kerana pergaulan dengan penduduk membolehkan kami lebih memahami budaya mereka," katanya gembira kerana dapat mengikuti program itu.

Rakannya, Siti Nor Aishah Muzakir, 20, berharap dapat mengikuti program sama pada masa akan datang kerana aktiviti berkenaan sebahagian kegiatan amal yang menyeronokkan serta memberi banyak pengalaman berguna kepada mahasiswa.

"Peluang menyertai program ini tidak selalu diperoleh, pengalaman yang kami timba sepanjang tiga hari berkampung di tempat orang meninggalkan banyak kewangan manis selain mengajar erti muafakat, kerjasama dan bertolak ansur," katanya.

Hadir sama Pegawai KBS Faizol Kanapathy Abdullah dan Pegawai Belia dan Sukan Mersing Badri Dainial serta Penghulu Mukim Teriang Sadon Badri.